



## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

### **MOTAC PERKUKUH OPERASI PENGUATKUASAAN BAGI MEMASTIKAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG INDUSTRI PELANCONGAN**

**PUTRAJAYA** – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) terus memperhebat usaha penguatkuasaan secara bersepadu di seluruh negara bagi memastikan pematuhan terhadap Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] dan Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594].

Bagi tempoh 14 Julai hingga 3 Ogos 2025, sejumlah 35 operasi telah dilaksanakan di pelbagai lokasi dengan kerjasama strategik bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

Sepanjang tempoh ini, pemeriksaan telah dijalankan ke atas 220 kenderaan pelancongan, 200 syarikat pelancongan, 4 premis penginapan pelancongan dan 67 pemandu pelancong. Hasilnya, sebanyak 24 notis telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan, termasuk 5 notis kerana menjalankan perniagaan pelancongan tanpa lesen yang sah, dan 7 notis atas kesalahan menggunakan kenderaan yang tidak dilesenkan untuk membawa pelancong. Tindakan tegas akan dikenakan termasuk pendakwaan, kompaun, penggantungan atau pembatalan lesen.

MOTAC mengingatkan semua syarikat pelancongan berlesen agar hanya menjalankan kerjasama dengan entiti pelancongan berlesen yang sah dan menggunakan kenderaan pelancongan yang dilesenkan sempurna oleh pihak berkuasa. MOTAC tetap tegas dalam memastikan keselamatan pelancong, dan tindakan undang-undang akan diambil sekiranya berlaku sebarang insiden atau pelanggaran peraturan.

Kepada syarikat yang masih menjalankan aktiviti pelancongan tanpa lesen, MOTAC memberikan amaran agar segera mendapatkan lesen yang sah bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan.

MOTAC kekal komited dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang secara menyeluruh dan berkesan melalui kerjasama rentas agensi sejajar dengan prinsip tadbir urus baik, keadilan dan keyakinan di bawah kerangka Malaysia MADANI. Usaha berterusan ini adalah penting dalam mewujudkan industri pelancongan yang selamat dan berintegriti, seterusnya menyokong misi Tahun Melawat Malaysia 2026. MOTAC juga menyeru agar semua persatuan pelancongan dan orang awam turut memainkan peranan dalam menjayakan agenda nasional ini.

---

*Dikeluarkan oleh:*

**Unit Komunikasi Korporat**  
**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)**  
Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181  
Website: [www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my) Email: [group.ukk@motac.gov.my](mailto:group.ukk@motac.gov.my)  
Facebook, Instagram, X & TikTok: @mymotac

